



SELAMAT HARI RAYA AI
daripada
Jabatan Penyelidikan & I

NCER
MALAYSIA

PENGAR
MALAYSIA
KHAMIS || 12.0
Free by Hilton, I

Research NEWS

2/2025

Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JPI)
Universiti Teknologi MARA



Pembangunan Lebuhraya Raya Perlu Lebih Seimbang

16 April 2025 | Utusan

Pembangunan lebuhraya perlu lebih seimbang

PEMBANGUNAN lebuhraya seperti Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) telah memacu industri logistik dan hartanah di kawasan bandar. Namun, kawasan luar bandar seperti Jeli (Kelantan) atau Setiu (Terengganu) masih bergantung pada jalan persekutuan yang usang.

Di Lembah Klang, lebuhraya seperti Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUIKE) dan Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH) meningkatkan nilai hartanah sehingga 20 peratus dalam tempoh lima tahun. Namun, di kawasan pedalaman Kelantan, kenaikan nilai tanah hampir tidak ketara.

Laporan Institut Kajian Khazanah (2023) menunjukkan pemilikan kenderaan di Pantai Timur adalah 40 peratus lebih rendah berbanding Pantai Barat. Ini membuktikan kurangnya lebuhraya berkualiti menghalang mobiliti ekonomi.

Pembangunan lebuhraya juga mempengaruhi pelaburan asing (FDI). Pada 2024, 75 peratus FDI tertumpu di negeri dengan jaringan lebuhraya maju seperti Selangor dan Pulau Pinang.

Wilayah seperti Perlis dan Kelantan hanya menerima kurang daripada 5 peratus FDI. Ketiadaan lebuhraya moden menjadi salah satu faktor penghalang utama.

Kesan ketidakeimbangan ini juga jelas dalam industri pelancongan. Destinasi seperti Genting Highlands dan Melaka mendapat lebih banyak pelancong kerana akses lebuhraya yang baik.

Sebaliknya, lokasi menarik di Terengganu seperti Tasik Kenyir kurang dikunjungi kerana kekurangan lebuhraya yang cekap. Data Tourism Malaysia 2024 menunjukkan hanya 20 peratus pelancong asing melawat Pantai Timur.

Kerajaan telah melancarkan projek seperti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) untuk mengurangkan ketidakeimbangan. Namun, pembinaan lebuhraya seperti Central Spine Road (CSR) masih perlahan, dengan hanya 65 peratus siap setakat 2024.

Ketiadaan jaringan lebuhraya yang baik juga menjejaskan industri pertanian. Petani di Kelantan terpaksa menanggung kos pengangkutan 20 peratus lebih tinggi berbanding di Johor.

Menurut Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), sayur-sayuran dari Cameron Highlands mengambil masa selama tiga jam untuk sampai ke Kuala Lumpur tetapi produk dari Gua Musang mengambil masa enam jam. Ini meningkatkan kos dan mengurangkan daya saing.

Pembangunan lebuhraya yang tidak seimbang juga mempermudah lagi migrasi penduduk.

Ramai anak muda dari Pantai Timur berpindah ke bandar besar untuk mencari pekerjaan.

Statistik Jabatan Perangkaan pada tahun lalu menunjukkan 35 peratus graduan Kelantan bekerja di luar negeri. Ketiadaan peluang ekonomi di kawasan sendiri dikaitkan dengan infrastruktur yang lemah. Kerajaan perlu memastikan pembangunan lebuhraya lebih inklusif. Projek seperti Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak menunjukkan kesan positif, dengan pertumbuhan ekonomi tempatan meningkat 8 peratus, sejak 2020.

Namun, di Semenanjung, tumpuan masih pada kawasan maju. Peruntukan untuk lebuhraya di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) menunjukkan 60 peratus bajet tertumpu di Pantai Barat.


Penyelesaian jangka panjang memerlukan perancangan lebih teliti. Pembangunan lebuhraya harus seiring dengan pengukuhan ekonomi tempatan, bukan hanya memfokus pada kawasan yang sudah maju.

Dengan strategi yang betul, lebuhraya boleh menjadi pemangkin pembangunan wilayah yang lebih saksama. Malaysia perlu belajar dari kesilapan lalu untuk memastikan pertumbuhan ekonomi lebih seimbang pada masa hadapan.

Ketidakeimbangan ekonomi akibat pembangunan lebuhraya adalah isu kritikal yang perlu ditangani segera.

Kerajaan, penyelidik dan pihak berkepentingan harus bekerjasama untuk memastikan manfaat infrastruktur dinikmati oleh semua wilayah secara adil.

DR. IRWAN IBRAHIM & DR. ABDUL KHABIR RAHMAT ABDUL KHABIR RAHMAT
Institut Pengangkutan Malaysia (Mitrans)
Universiti Teknologi Mara (UiTM)



KETIDAKESEIMBANGAN ekonomi akibat pembangunan lebuhraya merupakan isu kritikal yang perlu ditangani segera.

Read more:

https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2025/04/pembangunan-lebuhraya-perlu-lebih-seimbang/?fbclid=IwY2xjawKbeN1leHRuA2FibQIxMABicmlkETFGdVFQUVBaQndCN0pWVVBtAR4K976_DbnN06fh9z46cEDBuoHm9lgPYfX0YaNpFJ4XWxjifcLmQre4p3U-Jw_aem_UyrMqtpSTtxHyx17vtw45Q#google_vignette

Silakan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2025

16 May 2025 | MalayaNewsRoom



Cetusan

Silakan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2025

Adin M. Nor 16 May 2025

Terdapat peningkatan pempamer di PBAKL 2025 iaitu sebanyak 1172 pempamer berbanding 972 pempamer pada PBAKL 2024.



Read more:

<https://malayanewsroom.com/16/05/2025/silakan-ke-pesta-buku-antarabangsa-kuala-lumpur-2025/>

20 25



Published by

Unit of Research Communication & Visibility

Department of Research & Innovation,
Level 5, Bangunan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin,
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. Selangor



اوسهبا تقوى موليا



JPI UiTM

#bevisible

Pemangkin Idea